



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KELANTAN

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI KELANTAN

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI	
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU	
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS	
PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TUMPAT	
Program Bantuan Rumah Dhua'fat	3
PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI	
Program Subsidi Baja Padi	24
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN	
Infra Quest Sdn. Bhd.	32
PENUTUP	49



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Kelantan.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP 2.0: NKRA Anti-Rasuh. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 2 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kelantan Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 2 lagi aktiviti iaitu Program Bantuan Rumah Dhua'fat dan Program Subsidi Baja Padi serta satu pengurusan syarikat iaitu Infra Quest Sdn. Bhd. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
~~Ketua Audit Negara~~
Malaysia

Putrajaya
5 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BHARU

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TUMPAT

- **Program Bantuan Rumah Dhua'fat**

1.1. Program Bantuan Rumah Dhua'fat (PBRD) merupakan satu program untuk membantu golongan miskin membina atau membaiki rumah dan ia dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2006. Bagi tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM15.90 juta telah diperuntukkan di bawah program ini dan telah dapat membantu seramai 1,144 golongan miskin untuk membina dan membaiki rumah. Daripada jumlah tersebut RM11.47 juta diperuntukkan bagi 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan RM4.42 juta untuk bantuan luar kawasan DUN. Jumlah bantuan yang diluluskan bagi setiap DUN dalam tahun 2010 hingga 2012 ialah antara RM70,000 hingga RM100,000 yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri (PJEK). Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bertanggungjawab sebagai pejabat pembayar bagi peruntukan luar kawasan DUN. Pejabat pembayar bagi peruntukan dalam kawasan DUN pula ialah Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) masing-masing.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati PBRD adalah kurang memuaskan. Kerajaan Negeri tidak menyediakan garis panduan dalam melaksanakan PBRD. Garis panduan ini penting untuk menjamin ketelusan dalam pengagihan bantuan membina/membaiki rumah kepada golongan sasar. Pelaksanaan program tanpa garis panduan dan prosedur yang jelas menyebabkan wujudnya beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pemilihan penerima bantuan rumah dhua'fat tanpa borang permohonan.
- Pendapatan penerima bantuan melebihi garis kemiskinan.
- Jumlah bantuan diberi berbeza tanpa justifikasi.
- Rumah tidak ekonomik dibaiki.
- Bayaran penuh telah dibuat tetapi rumah belum siap.
- Spesifikasi rumah tidak ditetapkan.
- Bantuan kepada penerima yang sama.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.

1.3. Bagi menambah baik pengurusan Program Bantuan Rumah Dhua'fat (PBRD) pihak Audit mengesyorkan PPN dan PTJ mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. PPN mewujudkan prosedur atau garis panduan yang jelas dari segi syarat kelayakan, kaedah memohon, kaedah penilaian dan kelulusan bantuan membina rumah dan menetapkan had maksimum bantuan membina dan membaiki rumah.

1.3.2. PPN mewujudkan pelan asas dan spesifikasi rumah dhua'fat mengikut nilai bantuan yang ditetapkan berasaskan contoh *best practice* dalam program bantuan rumah yang lain.

1.3.3. PPN melantik Agensi Kerajaan sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab terhadap semua urusan berkaitan PBRD.

1.3.4. PTJ hendaklah memastikan pembinaan dan pemberian rumah dilaksanakan melalui Inden Kerja.

1.3.5. PPN dan PTJ hendaklah meningkatkan pemantauan pelaksanaan kerja membina dan membaiki rumah bagi memastikan kualiti kerja mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan.

2. PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI

- Program Subsidi Baja Padi

2.1. Skim Bantuan Baja Padi merupakan program Kerajaan Persekutuan yang telah diperkenalkan di seluruh negara sejak tahun 1979 melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Bermula pada tahun 1991, Kerajaan Negeri telah mengadakan skim yang sama untuk membantu pesawah miskin yang tidak menerima subsidi baja daripada mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kos input pengeluaran padi, memodenkan aktiviti tanaman padi, meningkatkan pengeluaran padi, menambah pendapatan penanam padi dan sebagai insentif kepada pesawah yang mengusahakan tanaman padi. Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bertanggungjawab untuk menyelaras program subsidi baja dengan dibantu oleh Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ). Bagi maksud ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5.50 juta dan sejumlah RM4.90 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 2010 hingga 2012 yang melibatkan 8,987 pesawah yang mengusahakan 4,328 hektar sawah padi di Negeri Kelantan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November tahun 2012 di Pejabat Pembangunan Negeri dan 3 PTJ iaitu Pasir Puteh, Pasir Mas dan Machang mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Program Subsidi Baja Padi adalah kurang memuaskan. Ini kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan yang memberi kesan kepada pencapaian objektif program ini. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- Kajian keberkesanan program tidak dibuat.
- Pesawah tidak menerima subsidi baja.
- Bekalan subsidi baja tidak mengikut musim membaja.
- Penerima subsidi baja bukan pesawah.
- Penerimaan subsidi baja dari 2 sumber.
- Pemberian subsidi baja melebihi kelayakan.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit dalam Program Subsidi Baja Padi, pihak Audit mengesyorkan PPN dan PTJ mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. PTJ hendaklah mengemas kini rekod penanam padi dalam kawasan masing-masing dan menyediakan Daftar Pesawah yang lengkap bagi memudahkan semakan dan pemantauan dibuat.

2.3.2. PTJ hendaklah membuat semakan silang senarai pemohon Subsidi Baja Kerajaan Negeri dengan laporan ringkasan maklumat pesawah yang didaftarkan dalam Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan bagi memastikan tidak berlaku pertindihan pemberian baja.

2.3.3. Menyediakan Laporan Keberkesanan Program Pemberian Baja Subsidi untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan mencadangkan kaedah yang lebih baik bagi pelaksanaan Program Subsidi Baja Padi kepada pesawah di Negeri Kelantan.

3. PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

- Infra Quest Sdn. Bhd.

3.1. Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB) ditubuhkan pada 23 Januari 1997 dan bergiat aktif pada tahun 2005. IQSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan IQSB berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta. Aktiviti utama IQSB adalah sebagai pakar perunding menara telekomunikasi dan pemilikan menara telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi. Antara objektif utama IQSB adalah mempercepatkan proses permohonan baru bagi pemasangan infrastruktur telekomunikasi serta mendapatkan kelulusan Pihak Berkusa Tempatan bagi semua infrastruktur telekomunikasi sedia ada.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan IQSB adalah memuaskan. Keuntungan sebelum cukai IQSB meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai IQSB menurun pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Kawasan sekitar menara tidak disenggara.
- Kerosakan dan kehilangan kelengkapan di menara.
- Papan tanda tidak disediakan.
- Projek WiFi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- *Key Performance Indicator* tidak disediakan untuk menilai prestasi syarikat.

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan IQSB mengambil langkah berikut:

3.3.1. Memastikan prestasi kewangan syarikat yang mencatatkan keuntungan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan bagi memberi pulangan kepada pemegang saham.

3.3.2. Memastikan keadaan sekitar menara telekomunikasi disenggara mengikut garis panduan yang dikeluarkan serta peralatan dan kelengkapan berada dalam keadaan baik.

3.3.3. Memastikan produk pasaran dan peluang perniagaan baru yang diceburi dapat menjana pendapatan kepada syarikat.

3.3.4. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia bagi menjaga kepentingan pemegang saham.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN KOTA BAHARU PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TUMPAT

1. PROGRAM BANTUAN RUMAH DHUA'FAT

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Program Bantuan Rumah Dhua'fat (PBRD) merupakan satu program untuk membantu golongan miskin membina atau membaiki rumah dan ia dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2006. Bagi tahun 2010 hingga 2012 program ini telah dapat membantu seramai 1,144 golongan miskin untuk membina dan membaiki rumah. Program ini dilaksanakan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan diberi tanggungjawab sepenuhnya kepada wakil rakyat untuk memilih dan menentukan penerima-penerima bantuan. Agensi Kerajaan hanya bertanggungjawab dari segi peruntukan dan pembayaran. PBRD dikategorikan kepada 2 jenis bantuan iaitu dalam kawasan DUN dan luar kawasan DUN. Bantuan dalam kawasan DUN ditentukan oleh wakil rakyat yang berkenaan manakala bantuan luar kawasan DUN ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri (PJEK). Luar kawasan DUN bermaksud selain dari kawasan DUN yang PJEK sebagai wakil rakyat.

1.1.2. Dalam tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM15.90 juta telah diluluskan bagi melaksanakan PBRD. Daripada jumlah tersebut RM11.48 juta diperuntukkan bagi 45 kawasan DUN dan RM4.42 juta untuk bantuan luar kawasan DUN. Jumlah bantuan yang diluluskan bagi setiap DUN dalam tahun 2010 hingga 2012 ialah antara RM70,000 hingga RM100,000 yang ditetapkan oleh PJEK. Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bertanggungjawab sebagai pejabat pembayar bagi peruntukan luar kawasan DUN. Pejabat pembayar bagi peruntukan dalam kawasan DUN pula ialah Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) masing-masing seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Program Bantuan Rumah Dhua'fat

Peruntukan	Tahun			Jumlah (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
DUN (45 DUN)	3.15	3.83	4.50	11.48
PJEK	1.55	1.87	1.00	4.42
Jumlah	4.70	5.70	5.50	15.90
Peruntukan Setiap DUN	RM70,000	RM85,000	RM100,000	RM255,000

Sumber: PPN

1.1.3. Prestasi perbelanjaan bagi PPN dan 3 PTJ yang dipilih iaitu Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat bagi tahun 2010 hingga 2012 seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Prestasi Perbelanjaan Program Bantuan Rumah Dhua'fat Bagi PPN Dan Tiga PTJ

Pejabat Pembayar	Prestasi Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
PPN	Peruntukan	1.55	1.87	1.00	4.42
	Perbelanjaan	1.55	1.87	1.00	4.42
	Perbelanjaan (%)	100	100	100	100
PTJ Kota Bharu	Peruntukan	0.84	1.02	1.20	3.06
	Perbelanjaan	0.84	1.02	1.20	3.06
	Perbelanjaan (%)	100	100	100	100
PTJ Pasir Mas	Peruntukan	0.43	0.51	0.60	1.54
	Perbelanjaan	0.43	0.50	0.60	1.53
	Perbelanjaan (%)	100	98	100	99.4
PTJ Tumpat	Peruntukan	0.21	0.34	0.40	0.95
	Perbelanjaan	0.21	0.30	0.40	0.91
	Perbelanjaan (%)	100	88.2	100	95.8
Jumlah Keseluruhan	Peruntukan	3.03	3.74	3.20	9.98
	Perbelanjaan	3.03	3.69	3.20	9.92
	Perbelanjaan (%)	100	98.7	100	99.4

Sumber: PPN, PTJ Kota Bharu, PTJ Pasir Mas dan PTJ Tumpat.

1.1.4. Jumlah penerima bantuan dan perbelanjaan mengikut Jajahan seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Perbelanjaan Dan Penerima Bantuan

Pejabat Pembayar	2010		2011		2012		Jumlah	
	Belanja (RM Juta)	Penerima Bantuan						
PPN	1.55	64	1.87	74	1.00	62	4.42	200
PTJ Kota Bharu	0.84	129	1.02	68	1.20	264	3.06	461
PTJ Pasir Mas	0.43	157	0.5	59	0.60	137	1.53	353
PTJ Tumpat	0.21	9	0.3	62	0.40	59	0.91	130
Jumlah	3.03	359	3.69	263	3.20	522	9.92	1,144

Sumber: PPN, PTJ Kota Bharu, PTJ Pasir Mas dan PTJ Tumpat

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Bantuan Rumah Dhua'fat telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif program iaitu membantu golongan miskin mendapat tempat tinggal yang selesa melalui pembinaan dan pemberian rumah.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan PBRD bagi tahun 2010 hingga 2012 di PPN, PTJ Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan

memeriksa fail, menganalisis data dan dokumen berhubung dengan pengurusan PBRD. Semakan berdasarkan sampel bagi bantuan membaiki rumah dan bantuan membina rumah di Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat. Lawatan fizikal ke rumah yang dibina/dibaiki dan temu bual dengan penerima bantuan serta pihak berkaitan juga dilakukan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pengurusan PBRD adalah kurang memuaskan. Kerajaan Negeri tidak menyediakan garis panduan dalam melaksanakan PBRD. Program membantu golongan miskin melalui pembinaan/pembaikan rumah telah lama dijalankan oleh Agensi Kerajaan yang lain melalui prosedur dan tatacara tertentu. Oleh itu, sepatutnya tiada masalah bagi Kerajaan Negeri untuk menyediakan garis panduan dan tatacara bagi melaksanakan PBRD. Garis panduan ini penting untuk menjamin ketelusan dalam pengagihan bantuan membina/membaiki rumah kepada golongan sasar. Pelaksanaan program tanpa garis panduan dan prosedur yang jelas menyebabkan wujudnya beberapa kelemahan seperti yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pemilihan penerima bantuan rumah dhua'fat tanpa borang permohonan.
- Pendapatan penerima bantuan melebihi garis kemiskinan.
- Jumlah bantuan diberi berbeza tanpa justifikasi.
- Rumah tidak ekonomik dibaiki.
- Bayaran penuh telah dibuat tetapi rumah belum siap.
- Spesifikasi rumah tidak ditetapkan.
- Bantuan kepada penerima yang sama.
- Kualiti kerja kurang memuaskan.

1.4.1. Pemilihan Penerima Bantuan Tanpa Borang Permohonan

1.4.1.1. Dalam melaksanakan PBRD penerima bantuan ditentukan oleh wakil rakyat kawasan berkenaan berdasarkan budi bicara mereka tanpa apa-apa dokumen sokongan berhubung dengan penerima bantuan. Bagi bantuan rumah dalam kawasan DUN, wakil rakyat kawasan berkenaan akan mengemukakan senarai nama dan jumlah bantuan yang dicadangkan kepada PTJ. Seterusnya pihak PTJ akan mengeluarkan inden kerja kepada kontraktor untuk membina/membaiki rumah berdasarkan jumlah bantuan yang dicadangkan tanpa disertakan spesifikasi rumah yang hendak dibina atau kerosakan yang perlu dibaiki. Surat pelantikan kontraktor juga tidak dikeluarkan. Berdasarkan jumlah bantuan yang diluluskan ia bergantung kepada kontraktor untuk menentukan spesifikasi dan keuntungannya. Kesannya didapati rumah yang dibina berbeza dari segi spesifikasi seperti keluasan, bilangan bilik, reka bentuk, kelengkapan dalaman dan sebagainya.

Begitu juga dengan pembaikan rumah tidak ditentukan jenis kerosakan yang perlu diperbaiki.

1.4.1.2. Bagi bantuan rumah di luar kawasan DUN, PJEK yang akan meluluskan penerima bantuan berdasarkan surat permohonan. Seterusnya PJEK akan mengeluarkan surat kelulusan kepada PPN untuk memaklumkan nama penerima dan jumlah yang diluluskan kepada penerima bantuan tanpa asas tertentu atau dokumen sokongan. Surat pelantikan kepada kontraktor tidak dikeluarkan dan bahan-bahan binaan dibekalkan oleh pembekal tanpa Pesanan Tempatan atau spesifikasi ditetapkan terlebih dahulu. PPN akan mengeluarkan Pesanan Tempatan setelah bil-bil tuntutan diterima daripada syarikat pembekal bahan binaan. Keadaan ini tidak mematuhi peraturan kewangan kerajaan yang menetapkan inden kerja hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor sebelum kerja pembinaan/pembaikan rumah dimulakan.

1.4.1.3. Hasil semakan Audit bagi kes bantuan rumah dhua'fat di Kg. Padang Tembusu Tumpat yang diuruskan oleh PPN mendapat 12 jenis bahan binaan yang dibekalkan hanya sekali sahaja tetapi tuntutan dibuat 2 kali yang melibatkan jumlah RM10,000. Terdapat juga kes kuantiti bahan binaan sebenar yang dibekalkan kurang berbanding dengan bil tuntutan. Malah terdapat satu kes tuntutan bahan bekalan untuk membina rumah batu sedangkan rumah yang dibina rumah kayu. Ini semua menunjukkan kelemahan kawalan di peringkat PPN kerana proses bayaran yang dibuat tidak mengikut peraturan kewangan. **Maklum balas daripada PPN pada 2 April 2013, memaklumkan mulai tahun 2013, mana-mana kelulusan PJEK bagi pembinaan rumah dhua'fat tidak lagi dibayar di PPN sebaliknya akan diuruskan oleh PTJ berkenaan melalui waran PPN.**

1.4.2. Pendapatan Melebihi Garis Kemiskinan

1.4.2.1. Bantuan membina atau membaiki rumah sepatutnya diberi kepada golongan miskin yang pendapatan isi rumah di bawah garis kemiskinan iaitu kurang RM750 sebulan serta tiada rumah atau mempunyai rumah yang perlu pembaikan. Pihak PPN dan PTJ memaklumkan, mereka yang layak mendapat bantuan rumah dhua'fat terdiri daripada orang susah/miskin, tiada rumah/rumah usang dan mempunyai tanah sendiri atau tanah yang dibenarkan untuk membina rumah. Bagaimanapun, maklumat-maklumat tersebut tidak dikemukakan atau tidak ada semasa permohonan diluluskan. Permohonan bantuan sepatutnya melalui borang permohonan untuk menentukan kelayakan seseorang.

1.4.2.2. Asas penentuan kemiskinan berdasarkan pendapatan isi rumah. Oleh itu, pendapatan isi rumah merupakan asas yang perlu diambil kira di samping perkara lain untuk menentukan kelayakan mendapat bantuan rumah dhua'fat. Lawatan dan temu bual pihak Audit mendapat 14 daripada 59 penerima bantuan mempunyai pendapatan melebihi garis kemiskinan RM750 sebulan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa penerima bantuan rumah dhua'fat berkenaan tidak layak dikategorikan sebagai miskin.

Antara penerima bantuan adalah kakitangan Pejabat DUN, penghulu dan kakitangan awam seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Penerima Bantuan Berpendapatan Melebihi RM750 Sebulan

Penerima	Pekerjaan	Pendapatan Isi Rumah (RM)	Bilangan Isi Rumah (Orang)	Jenis Bantuan	Jumlah Bantuan (RM)
1	Kakitangan Pejabat DUN	1,600	4	Bina	25,000
2	Menjahit (Isteri) Pemandu(Suami)	1,300	6	Bina	30,000
3	Mekanik Kereta	1,000	3	Bina	35,000
4	Juru Elektrik	1,000	7	Baiki	8,500
5	Tukang Kebun Tukang Sapu (Isteri)	1,000	8	Bina	23,300
6	Buruh Pembantu Kedai (Isteri)	1,000	4	Bina	23,300
7	Penghulu Mukim	950	5	Bina	35,000
8	Tukang Rumah	900	8	Bina	25,000
9	Mekanik	900	9	Baiki	10,000
10	Buruh Kasar	900	6	Bina	40,000
11	Petani	900	4	Bina	42,000
12	Petani	900	3	Bina	40,000
13	Buruh Kasar	800	8	Bina	34,000
14	Tukang Rumah	800	3	Baiki	8,500

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.2.3. Lawatan Audit ke Kg. Salor Kota Bharu, mendapati seorang penerima bantuan adalah tidak layak kerana beliau berkemampuan menggunakan sumber kewangan sendiri sebagai tambahan kepada bantuan yang diluluskan sejumlah RM40,000 untuk membina rumah yang lebih besar dan cantik. Keluasan rumah ini 1,600 kaki persegi (kp) lebih luas daripada bantuan rumah lain yang hanya 816 kp. seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Rumah Penerima Bantuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Salor, Kota Bharu
Tarikh: 19 November 2012

Gambar 1.2
Bahagian Hadapan Rumah Penerima Bantuan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Salor, Kota Bharu
Tarikh: 19 November 2012

1.4.2.4. Selain itu, lawatan Audit ke rumah dhua'fat di Chetok Pasir Mas, mendapati penerima bantuan juga bukan golongan miskin dan daif berdasarkan kemampuan memiliki 2 buah kereta, 2 unit penyaman udara dan melangan Astro seperti di

Gambar 1.3 hingga Gambar 1.6. Semakan Audit juga mendapati, penerima bantuan ini tiada dalam senarai e-Tegar atau e-Kasih.

Gambar 1.3

Dua Buah Kereta Penerima Bantuan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Chetok, Pasir Mas.

Tarikh: 12 September 2012

Gambar 1.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Chetok, Pasir Mas.

Tarikh: 12 September 2012

Gambar 1.5

Dipasang Alat Penyamanan Udara



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Chetok, Pasir Mas.

Tarikh: 12 September 2012

Gambar 1.6

Dipasang Astro



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Chetok, Pasir Mas.

Tarikh: 12 September 2012

1.4.2.5. Lawatan Audit ke rumah penerima bantuan di Kg. Banggol Kulim, Pasir Mas mendapati bantuan untuk membaiki rumah sejumlah RM10,000 digunakan untuk membina bengkel kereta seperti di **Gambar 1.7** dan **Gambar 1.8**. Beliau seorang mekanik dan tidak layak kerana berpendapatan RM900 sebulan iaitu melebihi garis kemiskinan.

Gambar 1.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol Kulim, Pasir Mas
Tarikh: 13 September 2012

Gambar 1.8

Bengkel Kereta



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol Kulim, Pasir Mas
Tarikh: 13 September 2012

1.4.2.6. Perkara ini berlaku kerana proses kelulusan bantuan membina/membalik rumah di bawah PBRD tidak melalui proses penilaian yang kemas. Satu Jawatankuasa sepatutnya ditubuhkan untuk menilai dan mempertimbangkan dari pelbagai aspek seperti pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, harta dan sebagainya sebelum bantuan diluluskan.

Pada pendapat Audit, pemilihan penerima bantuan di bawah PBRD adalah tidak telus kerana tiada garis panduan dan prosedur tertentu untuk memastikan pemohon yang benar-benar layak sahaja mendapat bantuan.

1.4.3. Jumlah Bantuan Berbeza Tanpa Justifikasi

1.4.3.1. Jumlah bantuan yang diluluskan sepatutnya berdasarkan spesifikasi kerja. Hasil pemeriksaan Audit mendapati spesifikasi kerja tidak ditetapkan tetapi jumlah bantuan membina rumah yang diluluskan berbeza antara penerima bantuan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, jumlah bantuan membina rumah yang diluluskan adalah antara RM10,000 hingga RM42,000 seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Jumlah Bantuan Diluluskan Berbeza

Jumlah Bantuan (RM)	2010	2011	2012	Jumlah
Melebihi 40,000	-	-	1	1
35,001 - 40,000	6	20	8	34
30,001 - 35,000	22	30	14	66
25,001 - 30,000	7	11	6	24
20,001 - 25,000	11	17	5	33
15,001 - 20,000	1	6	1	8
10,000 - 15,000	3	7	9	19
Jumlah	50	91	44	185

Sumber: PPN, PTJ Kota Baharu, PTJ Pasir Mas dan PTJ Tumpat

1.4.3.2. Secara perbandingan didapati agihan bantuan rumah tanpa justifikasi atau mengambil kira bilangan isi rumah adalah tidak wajar. Ini kerana ia mewujudkan ketidakadilan kepada keluarga yang mempunyai isi rumah yang lebih ramai tetapi rumahnya kecil berbanding keluarga kecil tetapi mendapat bantuan untuk membina rumah yang lebih besar. Contohnya ada penerima bantuan yang mempunyai isi rumah 4 orang mendapat bantuan RM42,000 dengan keluasan rumah 816 kp. Sebaliknya ada keluarga yang mempunyai 10 orang isi rumah hanya mendapat bantuan RM24,000 dan keluasan rumahnya 704 kp seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Jumlah Bantuan Dan Keluasan Rumah Berbanding Bilangan Isi Rumah

Penerima	Bil. Isi Rumah	Jumlah Bantuan (RM)	Keluasan Rumah (kp)	Pejabat Pembayar
1	4	42,000	816	PPN
2	4	40,000	816	PPN
3	4	40,000	816	PPN
4	4	40,000	816	PPN
5	3	40,000	816	PPN
6	4	35,000	816	PTJ Kota Bharu
7	3	35,000	816	PTJ Kota Bharu
8	3	35,000	816	PTJ Kota Bharu
9	3	35,000	816	PTJ Kota Bharu
10	3	35,000	816	PTJ Pasir Mas
11	3	35,000	816	PTJ Pasir Mas
12	4	30,000	600	PTJ Kota Bharu
13	6	25,000	600	PTJ Pasir Mas
14	8	25,000	660	PTJ Pasir Mas
15	5	25,000	600	PTJ Pasir Mas
16	5	25,000	660	PTJ Tumpat
17	4	25,000	660	PTJ Tumpat
18	7	25,000	660	PTJ Tumpat
19	4	25,000	660	PTJ Tumpat
20	10	24,000	704	PTJ Tumpat
21	6	23,400	660	PTJ Tumpat
22	8	23,400	660	PTJ Tumpat
23	5	23,350	770	PTJ Tumpat
24	8	23,300	728	PTJ Tumpat
25	4	23,300	660	PTJ Tumpat
26	4	21,250	1,440	PTJ Kota Bharu
27	3	17,500	324	PTJ Kota Bharu
28	4	10,000	400	PTJ Pasir Mas

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.3. Selain itu terdapat juga kes rumah yang dibina dengan keluasan yang sama iaitu 816 kp tetapi jumlah bantuan yang diluluskan adalah berbeza iaitu RM40,000 dan RM35,000. Contohnya seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10**.

Gambar 1.9
Rumah Bernilai RM40,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Padang Tembesu, Tumpat
Tarikh: 19 November 2012

Gambar 1.10
Rumah Bernilai RM35,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kedai Piah, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Pada pendapat Audit, jumlah bantuan membina rumah dhua'fat perlu ditetapkan mengikut spesifikasi rumah supaya lebih adil kepada semua penerima bantuan.

1.4.4. Rumah Tidak Ekonomik Dibaiki

1.4.4.1. Pada masa ini, nilai maksimum bagi bantuan membaiki rumah tidak ditetapkan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga September 2012 nilai bantuan membaiki rumah yang diluluskan adalah berbeza-beza. Terdapat 36 bantuan yang diluluskan antara RM11,000 hingga RM25,000 tanpa sebarang spesifikasi kerja seperti di **Jadual 1.7**. Akibatnya nilai sebenar kerja-kerja pemberian sukar ditentukan antara satu sama lain.

Jadual 1.7
Jumlah Bantuan Membaike Rumah

Penerima	Pejabat Pembayar	Jumlah Bantuan (RM)
1	PPN	25,000
2	PPN	25,000
3	PPN	20,000
4	PPN	20,000
5	PTJ Pasir Mas	20,000
6	PPN	18,000
7	PTJ Kota Bharu	18,000
8	PTJ Kota Bharu	18,000
9	PTJ Kota Bharu	18,000
10	PTJ Kota Bharu	18,000
11	PTJ Kota Bharu	18,000
12	PTJ Kota Bharu	17,500
13	PTJ Kota Bharu	17,500
14	PTJ Kota Bharu	17,500
15	PTJ Kota Bharu	17,500
16	PTJ Kota Bharu	17,000
17	PTJ Kota Bharu	17,000
18	PTJ Kota Bharu	16,000
19	PTJ Pasir Mas	16,000
20	PPN	15,000

Penerima	Pejabat Pembayar	Jumlah Bantuan (RM)
21	PPN	15,000
22	PPN	15,000
23	PPN	15,000
24	PTJ Kota Bharu	15,000
25	PTJ Kota Bharu	15,000
26	PTJ Pasir Mas	15,000
27	PTJ Pasir Mas	15,000
28	PTJ Pasir Mas	15,000
29	PPN	13,000
30	PPN	13,000
31	PPN	13,000
32	PPN	13,000
33	PPN	12,000
34	PTJ Pasir Mas	12,000
35	PTJ Pasir Mas	12,000
36	PTJ Kota Bharu	11,000
Jumlah		602,000

Sumber: PPN, PTJ Kota Baharu dan PTJ Pasir Mas

1.4.4.2. Lawatan Audit ke Kg. Manok Kedai Mulong, Kota Bharu, mendapati sebuah rumah yang terlalu usang dan sudah tidak ekonomik dibaiki masih lagi diluluskan bantuan membaiki rumah sejumlah RM16,000. Memandangkan sebahagian besar rumah tersebut perlu dibaiki menyebabkan bantuan yang diberi tidak mencukupi. Kesannya rumah yang dibaik pulih masih tidak selesa dan selamat untuk diduduki. Keadaan rumah tersebut selepas dibaiki adalah seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.16**.

Gambar 1.11
Bahagian Lantai Rumah
Yang Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.12
Bahagian Dinding Dan Bumbung Bilik
Yang Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.13
Bahagian Dinding Rumah yang Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.15
Tiang Rumah Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.16
Tiang Rumah Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Manok, Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 9 Oktober 2012

Pada pendapat Audit, jumlah bantuan maksimum membaiki rumah dan spesifikasi kerja perlu ditetapkan untuk memastikan hanya rumah yang ekonomik untuk dibaiki sahaja diberi bantuan. Manakala rumah yang tidak ekonomik dibaiki diberi bantuan membina rumah.

1.4.5. Bayaran Penuh Rumah Belum Siap

1.4.5.1. Lawatan Audit pada 11 September 2012 ke Kg. Banggol Petaling, Pasir Mas mendapati bahagian rumah yang dibaiki masih belum siap sepenuhnya. Bahagian yang belum siap seperti bilik air, dinding luar tidak diplaster, tingkap hanya ditutup dengan papan dan bahagian tangga seperti di **Gambar 1.17** dan **Gambar 1.18**. Bagaimanapun, bayaran penuh sejumlah RM20,000 telah dibuat pada 11 Oktober 2011.

Gambar 1.17
Bahagian Luar Dinding Tidak Diplaster



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol Petaling, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 1.18
Bilik Air Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Banggol Petaling, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

1.4.5.2. Selain itu, lawatan fizikal yang dijalankan oleh pihak Audit pada November 2012 ke kawasan DUN Salor mendapati kerja membina 6 buah rumah dhua'fat yang berjumlah RM240,000 masih belum disiapkan sepenuhnya walaupun bayaran telah dibuat kepada pembekal bahan binaan/kontraktor di antara bulan Jun hingga Julai 2012 seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Bayaran Dibuat Sebelum Kerja Disiapkan

Penerima	Lokasi	Jumlah Bantuan (RM)	Status Rumah
1	Kg. Kedai Mulong, Kota Bharu	40,000	Rumah siap 80% pada 20/11/2012, kerja pembinaan sedang dijalankan semasa lawatan
2	Kg. Larak, Pendek, Kota Bharu	40,000	Rumah siap 50% pada 20/11/2012, kerja pembinaan sedang dijalankan semasa lawatan
3	Kg. Padang Sakar, Salor, Kota Bharu	40,000	Rumah siap 90% pada 20/11/2012, kerja pembinaan dan ubah suai sedang dijalankan semasa lawatan
4	Kg. Belukar Jenerih, Salor, Kota Bharu	40,000	Rumah siap 90% pada 19/11/2012, kerja pembinaan tidak dijalankan semasa lawatan
5	Kg. Aur Duri, Salor, Kota Bharu	40,000	Rumah siap 30% pada 20/11/2012, kerja pembinaan tidak dijalankan semasa lawatan.
6	Kg. Seberang Pasir Mas, Salor	40,000	Rumah siap 95% pada 19/11/2012, kerja pembinaan tidak dijalankan semasa lawatan

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.5.3. Contoh rumah-rumah yang belum siap tetapi telah dibayar penuh adalah seperti di **Gambar 1.19** hingga **Gambar 1.24**.

Gambar 1.19



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Aur Duri, Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012

Gambar 1.20

Rumah Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Aur Duri, Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012


Gambar 1.21



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Larak, Pendek Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012

Gambar 1.22

Rumah Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Larak, Pendek Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012

Gambar 1.23



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012

Gambar 1.24

Rumah Tidak Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kedai Mulong, Kota Bharu
Tarikh: 20 November 2012

1.4.5.4. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh pihak yang bertanggungjawab. PPN sebagai pejabat pembayar membuat bayaran berdasarkan pengesahan pada dokumen yang dibuat oleh Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. **Maklum balas PPN bertarikh 2 April 2013, memaklumkan sehingga 31 Januari 2013 hanya 2 daripada 6 rumah tersebut telah siap dan diduduki manakala masih terdapat 4 buah rumah yang belum siap sepenuhnya dan tidak diduduki.**

Pada pendapat Audit, pengesahan fizikal perlu dilakukan sebelum meluluskan pembayaran bagi memastikan kerja telah siap sepenuhnya. Tindakan segera perlu diambil terhadap kakitangan yang terlibat.

1.4.6. Spesifikasi Rumah Tidak Ditetapkan

1.4.6.1. Dalam program bantuan rumah, spesifikasi rumah perlu ditetapkan supaya saiz dan reka bentuk semua rumah sama selaras dengan jumlah bantuan yang diluluskan. Setiap jenis rumah perlu ada spesifikasi yang jelas mengikut pelan dan jumlah bantuan yang ditetapkan. Selain itu, penetapan spesifikasi ini penting bagi mengawal kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor dan memudahkan proses semakan dan pengesahan sebelum bayaran dibuat. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di bawah Program Khas iaitu pembinaan rumah menggunakan wang zakat menetapkan keluasan rumah adalah 816 kp dan jumlah bantuan antara RM30,000 hingga RM35,000 mengikut kawasan. Bagi Program Bantuan Rumah (PBR) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pula menetapkan jumlah bantuan adalah seperti di **Jadual 1.9** dan setiap jenis rumah mempunyai pelan asas yang ditetapkan.

**Jadual 1.9
Kadar Bantuan Membina Rumah**

Jenis Rumah	Saiz	Keluasan (kp)	Jumlah Bantuan (RM)
1 Bilik	16' x 20'	320	21,000
2 Bilik	20' x 28'	560	37,000
3 Bilik	20' x 30'	600	40,000

Sumber: Program Bantuan Rumah (PBR) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) KKLW

1.4.6.2. Semakan Audit mendapati di bawah PBRD tiada pelan asas rumah dhua'fat ditetapkan. Saiz dan reka bentuk rumah yang dibina berbeza-beza antara Jajahan. Lawatan Audit ke Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat mendapati keluasan rumah dhua'fat dan bilangan bilik berbeza-beza. Keluasan rumah yang dibina adalah antara 280 kp hingga 1,440 kp dan mempunyai bilangan bilik satu hingga 3 bilik serta ada rumah yang tiada bilik seperti di **Jadual 1.10**.


Jadual 1.10
Spesifikasi Rumah Berbeza

Jumlah Bantuan (RM)	Saiz Rumah	Keluasan (kp)	Bil. Bilik	Pejabat Pembayar
42,000	24'x34'	816	3	PPN
40,000	24'x34'	816	3	PPN
35,000	20'x36'	720	3	PTJ Kota Bharu
35,000	24'x34'	816	3	PTJ Kota Bharu
35,000	24'x34'	816	3	PTJ Pasir Mas
35,000	24'x42'	1,008	3	PTJ Pasir Mas
30,000	20'x30'	600	3	PTJ Kota Bharu
30,000	22'x30'	660	3	PTJ Tumpat
25,000	19'x30'	570	3	PTJ Kota Bharu
25,000	20'x30'	600	3	PTJ Pasir Mas
25,000	22'x30'	660	3	PTJ Pasir Mas
25,000	22'x32'	704	3	PTJ Tumpat
24,000	22'x32'	704	3	PTJ Tumpat
23,350	22'x35'	770	3	PTJ Tumpat
23,000	22'x30'	660	3	PTJ Tumpat
21,250	18'x28'	504	3	PTJ Kota Bharu
20,000	22'x30'	660	3	PTJ Tumpat
17,500	18'x18'	324	1	PTJ Kota Bharu
17,500	20'x30'	600	3	PTJ Kota Bharu
17,500	25'x25'	625	2	PTJ Kota Bharu
15,000	15'x26'	390	1	PTJ Kota Bharu
10,000	20'x20'	400	2	PTJ Pasir Mas
10,000	14'x20'	280	Tiada	PTJ Pasir Mas
10,000	18'x24'	432	Tiada	PTJ Pasir Mas

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.6.3. Lawatan Audit ke Kg. Beta, Kubang Gadong, Pasir Mas mendapati sebuah rumah dhua'fat dibina dengan keluasan hanya 280 kp. Rumah ini tidak mempunyai bilik dan dibina dengan jumlah bantuan RM10,000 sahaja seperti di **Gambar 1.25** dan **Gambar 1.26**.

Gambar 1.25
Rumah Bernilai RM10,000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Beta, Kubang Gadong, Pasir Mas.
Tarikh: 13 September 2012

Gambar 1.26
Bahagian Bumbung Dalam Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Beta, Kubang Gadong, Pasir Mas
Tarikh: 13 September 2012

1.4.6.4. Lawatan Audit ke Kampung Padang Tengah Kota Bharu mendapati sebuah rumah dhua'fat telah dibina dengan keluasan 816 kp mempunyai 3 bilik dan bersambung dengan bahagian dapur rumah sedia ada seluas 495 kp. Keluasan rumah ini melebihi 1,300 kp. Semakan Audit mendapati jumlah bantuan yang diluluskan bagi membina rumah ini adalah yang tertinggi dalam PBRD iaitu RM42,000. Jumlah bantuan ini termasuk kos membaik pulih dan mengecat bahagian dapur rumah sedia ada. Dari segi spesifikasi, ia berbeza dengan rumah bantuan yang lain iaitu lantai rumah dilengkapi dengan *tiles*, bahagian siling rumah ditutup dengan sempurna dan dilengkapi dengan kipas seperti di **Gambar 1.27** dan **Gambar 1.28**.

Gambar 1.27
Bahagian Hadapan Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Padang Tengah Salor, Kota Bharu
Tarikh: 19 November 2012

Gambar 1.28
Bahagian Dapur Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Padang Tengah Salor, Kota Bharu
Tarikh: 19 November 2012

Pada pendapat Audit, nilai bantuan membina rumah dhua'fat sepatutnya sama mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya rumah yang dibina seragam dan mewujudkan keadilan kepada penerima bantuan.

1.4.7. Bantuan Kepada Orang Sama

1.4.7.1. Bantuan membina/membaiki rumah sepatutnya diberi kepada orang miskin yang berlainan setiap tahun. Hasil semakan Audit di PTJ Pasir Mas mendapati 4 orang telah diberi bantuan membaiki rumah 2 hingga 3 tahun berturut-turut tanpa permohonan dengan jumlah bantuan antara RM15,000 hingga RM30,000 seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Penerima Bantuan Membaiki Rumah Berulang

Penerima	Tahun			Jumlah Keseluruhan (RM)	Jenis Bantuan
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)		
1	10,000	10,000	10,000	30,000	Baiki
2	-	10,000	15,000	25,000	Baiki
3	-	10,000	15,000	25,000	Baiki
4	-	5,000	10,000	15,000	Baiki
Jumlah	10,000	35,000	50,000	95,000	

Sumber: PTJ Pasir Mas

1.4.7.2. Pihak Audit telah membuat lawatan ke lokasi penerima bantuan di Bukit Tuku Pasir Mas dan mendapati keempat-empat bantuan membaiki rumah itu sebenarnya digunakan untuk membina rumah secara berperingkat. Dua buah rumah telah siap dibina dan sehingga 10 September 2012 pembinaan 2 buah rumah lagi belum siap sepenuhnya seperti di **Gambar 1.29** dan **Gambar 1.32**.

Gambar 1.29

Rumah Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

Gambar 1.30



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

Gambar 1.31

Rumah Mula Dibina Tahun 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

Gambar 1.32



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

1.4.7.3. Mereka ini sepatutnya diberi bantuan membina rumah bukannya membaiki rumah kerana mereka tiada rumah yang hendak dibaiki. Kesannya rumah yang dibina tidak siap dan terpaksa diberi bantuan setiap tahun untuk menyiapkan rumah tersebut. Selain itu, didapati salah seorang yang menerima bantuan 2 tahun berturut-turut ini tidak layak dikategorikan sebagai miskin kerana berpendapatan RM1,600 sebulan. Kelewatan menyiapkan rumah juga menyebabkan barang yang dibekalkan terdedah kepada kerosakan dan risiko kecurian seperti di **Gambar 1.33** dan **Gambar 1.34**.

Gambar 1.33
Pintu Rosak Dimakan Anai-anai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

Gambar 1.34
Pintu Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Tuku, Pasir Mas
Tarikh: 10 September 2012

1.4.7.4. Prinsip asas bantuan sepatutnya diberi kepada ketua isi rumah. Semakan Audit mendapati 4 penerima bantuan membaiki rumah adalah merupakan 2 pasangan suami isteri di mana setiap pasangan mendapat bantuan berjumlah RM35,000 seperti di **Jadual 1.12**. Bantuan membaiki rumah kepada isi rumah yang sama tidak sepatutnya berlaku kerana peruntukan Kerajaan terhad dan lebih ramai lagi orang miskin yang memerlukan bantuan.

Jadual 1.12
Suami Isteri Mendapat Bantuan Membaiki Rumah

Penerima	Amaun (RM)	Catatan
1	18,000	Suami isteri
2	17,000	
3	18,000	Suami isteri
4	17,000	
Jumlah	70,000	

Sumber: PTJ Kota Bharu

1.4.7.5. Lawatan Audit ke rumah berkenaan di Kok Lanas, Kota Bharu mendapati sebuah rumah telah siap dibaiki. Manakala sebuah lagi rumah tidak dibaiki sebaliknya bantuan membaiki rumah digunakan untuk membina rumah baru seperti di **Gambar 1.35** hingga **Gambar 1.38**.

Gambar 1.35



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kok Lanas, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.36

Rumah Yang Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kok Lanas, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.37
Rumah Baru Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kok Lanas, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.38
Rumah Asal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kok Lanas, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012


Pada pendapat Audit, bantuan rumah sepatutnya diberi kepada ketua isi rumah dan sekali sahaja. Kelulusan bantuan membaiki rumah tidak boleh digunakan untuk membina rumah.

1.4.8. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

1.4.8.1. Rumah perlu dibina atau dibaiki dengan sempurna mengikut pelan asas dan spesifikasi yang ditetapkan. Penilaian awal kerosakan perlu dilakukan supaya nilai bantuan mencukupi untuk membaiki rumah yang masih ekonomik. Pemantauan juga perlu dilakukan semasa kerja dijalankan supaya rumah yang dibina atau dibaiki tidak mengalami kecacatan dan jumlah bantuan dapat dimanfaatkan secara optimum.

1.4.8.2. Lawatan Audit di Jajahan Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas mendapati rumah yang dibina mengalami kerosakan dan kebocoran. Manakala bagi rumah yang dibaiki, kayu reput tidak ditukar dan lubang layar tidak ditutup dengan sempurna seperti di **Gambar 1.39 hingga Gambar 1.44**.

Gambar 1.39



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kadok, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.40



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kadok, Kota Bharu
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.41

Kayu Reput Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Pasir, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 1.42



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Pasir, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 1.43

Lubang Layar Tidak Ditutup Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Pasir, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 1.44



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Pasir, Pasir Mas
Tarikh: 11 September 2012

1.4.8.3. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh pihak yang bertanggungjawab semasa kerja membina atau membaiki rumah dijalankan. Menurut Juruteknik PTJ, rekahan pada dinding konkrit berlaku akibat struktur dinding rumah yang dibina tidak stabil dan tidak sesuai dengan keadaan rumah. **Maklum balas PTJ Pasir Mas pada 2 April 2013, memaklumkan kayu yang reput bagi rumah tersebut telah diganti dan lubang layar telah ditutup dengan sempurna.**

1.4.8.4. Maklum balas daripada PPN pada 2 April 2013, memaklumkan PPN sedang merangka satu Garis Panduan bersama pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan untuk dipanjangkan kepada MMK dan diguna pakai di peringkat Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pemantauan perlu dilakukan semasa kerja membina atau membaiki rumah bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan Program Bantuan Rumah Dhua'fat (PBRD) pihak Audit mengesyorkan PPN dan PTJ mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. PPN mewujudkan prosedur atau garis panduan yang jelas dari segi syarat kelayakan, kaedah memohon, kaedah penilaian dan kelulusan bantuan membina rumah dan menetapkan had maksimum bantuan membina dan membaiki rumah.

1.5.2. PPN mewujudkan pelan asas dan spesifikasi rumah dhua'fat mengikut nilai bantuan yang ditetapkan berasaskan contoh *best practice* dalam program bantuan rumah yang lain.

1.5.3. PPN melantik Agensi Kerajaan sebagai agensi pelaksana yang bertanggungjawab terhadap semua urusan berkaitan PBRD.

1.5.4. PTJ hendaklah memastikan pembinaan dan pemberian rumah dilaksanakan melalui Inden Kerja.

1.5.5. PPN dan PTJ hendaklah meningkatkan pemantauan pelaksanaan kerja membina dan membaiki rumah bagi memastikan kualiti kerja mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan.

PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI

2. PROGRAM SUBSIDI BAJA PADI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Skim Bantuan Baja Padi merupakan program Kerajaan Persekutuan yang telah diperkenalkan di seluruh negara sejak tahun 1979 melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Bermula pada tahun 1991, Kerajaan Negeri telah mengadakan skim yang sama untuk membantu pesawah miskin yang tidak menerima subsidi baja daripada mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kos input pengeluaran padi, memodenkan aktiviti tanaman padi, meningkatkan pengeluaran padi, menambah pendapatan penanam padi dan sebagai insentif kepada pesawah yang mengusahakan tanaman padi. Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) bertanggungjawab untuk menyelaras program subsidi baja dengan dibantu oleh Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ).

2.1.2. Pengauditan terhadap Program Subsidi Baja Padi pernah dijalankan di Pejabat Pembangunan Negeri pada tahun 1999. Dalam laporan tersebut, Audit telah membangkitkan isu mengenai baja diterima daripada 2 sumber, pemberian subsidi baja melebihi kelayakan dan pemberian baja tidak mengikut musim tanaman padi.

2.1.3. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5.50 juta dan sejumlah RM4.90 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 2010 hingga 2012 yang melibatkan 8,987 pesawah yang mengusahakan 4,328 hektar sawah padi di Negeri Kelantan seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Prestasi Kewangan Dan Bilangan Pesawah

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan		Baki (RM Juta)	Pesawah
		(RM Juta)	(%)		
2010	2.00	1.99	99.5	0.01	2,983
2011	2.00	1.99	99.5	0.01	4,473
2012	1.50	0.92	61.3	0.58	1,531
Jumlah	5.50	4.90	89.1	0.60	8,987

Sumber: Pejabat Pembangunan Negeri

2.1.4. Pesanan baja dibuat oleh PPN berdasarkan permohonan daripada pesawah yang diluluskan oleh PTJ. Bayaran juga dibuat oleh PPN berdasarkan nota hantaran dan bil yang disahkan oleh Penghulu dan Penolong Ketua Jajahan. Harga subsidi baja padi yang dibayar oleh pesawah ialah RM1.00 sekampit dan harga yang ditanggung oleh Kerajaan pula ialah RM13.50 bagi baja campuran dan RM14.00 untuk baja urea.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana program ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif program subsidi badi padi oleh Kerajaan Negeri.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan program subsidi badi padi bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pembangunan Negeri dan 3 PTJ iaitu Pasir Puteh, Pasir Mas dan Machang. Metodologi pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa rekod dan menganalisis data berkenaan dengan program ini. Di samping itu, temu bual dengan pegawai dan pesawah yang terlibat serta lawatan ke kawasan yang dipilih juga dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November tahun 2012 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan Program Subsidi Baja Padi adalah kurang memuaskan. Ini kerana terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan yang memberi kesan kepada pencapaian objektif program ini. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- Kajian keberkesanan program tidak dibuat.
- Pesawah tidak menerima subsidi badi.
- Bekalan subsidi badi tidak mengikut musim membaja.
- Penerima subsidi badi bukan pesawah.
- Penerimaan subsidi badi dari 2 sumber.
- Pemberian subsidi badi melebihi kelayakan.

2.4.1. Kajian Keberkesanan Program Tidak Dibuat

Kajian keberkesanan pelaksanaan program subsidi badi kerajaan negeri hendaklah disediakan bagi menentukan sama ada program ini mencapai objektifnya. Semakan Audit mendapati, Skim Bantuan Baja Padi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan yang komprehensif. Tidak ada kajian awal atau kertas kerja disediakan berkaitan dengan pelaksanaan program ini. Sehingga kini, setelah 21 tahun program ini dilaksanakan pihak yang berkenaan tidak pernah mengeluarkan laporan yang berkaitan dengan keberkesanan program. Pihak Pejabat Pembangunan Negeri hanya mengemaskinikan jumlah perbelanjaan tanpa mengetahui sama ada perbelanjaan tersebut memberi manfaat kepada pesawah. Adalah juga didapati peruntukan yang diluluskan bagi 3 tahun berjumlah RM5.50 juta tidak berdasarkan justifikasi dan perancangan yang

sewajarnya. **Maklum balas daripada PPN bertarikh 14 April 2013, memaklumkan bahawa PPN sedang membuat semakan semula dengan semua PTJ berhubung keperluan sebenar Skim Bantuan Baja Padi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2014/2015.**

Pada pendapat Audit, kajian semula hendaklah dibuat dan Laporan Keberkesanan Program Pemberian Baja Subsidi disediakan serta dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program ini telah mencapai matlamatnya atau tidak.

2.4.2. Pesawah Tidak Menerima Subsidi Baja

Antara syarat untuk melayakkan pesawah menerima subsidi baja Kerajaan Negeri ialah mereka yang tidak menerima subsidi baja daripada mana-mana Agensi Persekutuan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Tujuannya ialah untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan mengelakkan pembaziran atau penyalahgunaan baja subsidi. Semakan Audit terhadap borang permohonan dan bekalan subsidi baja di Mukim Panggong, Padang Pak Amat Pasir Putih mendapati berlaku perkara seperti berikut:

2.4.2.1. Sebanyak 313 Lot tanah padi yang telah didaftarkan oleh KADA Cherang Rotan dan telah mendapat subsidi baja sebanyak 3,988 kampit digunakan sekali lagi untuk memohon subsidi baja Kerajaan Negeri. Permohonan ini dibuat pada 29 Mei 2012 oleh 160 pesawah lain menggunakan 313 lot padi yang sama dan jumlah baja yang telah dibekalkan sebanyak 3,313 kampit yang bernilai RM45,277. Walau bagaimanapun, semakan lanjut mendapati pesawah berkenaan tidak menerima baja tersebut dan mereka tidak pernah mengisi borang permohonan. Mukim Panggong berada dalam kawasan pengairan KADA dan pesawah dalam kawasan ini mendapat baja subsidi daripada KADA berdasarkan daftar pesawah yang dibuat setiap tahun. Mengikut rekod, sebelum Disember 2011 Kerajaan Negeri tidak pernah memberi subsidi baja di kawasan ini.

2.4.2.2. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan mendapati perkara ini berlaku kerana borang permohonan diisi sendiri oleh Penghulu dengan dibantu oleh beberapa orang penduduk tempatan. Sebanyak 14,440 kampit baja padi (urea 4,821 kampit/campuran 9,619 kampit) bernilai RM197,350.50 telah dibekalkan kepada 293 pesawah di Mukim Panggong melalui 12 kali permohonan bermula bulan Disember 2011 hingga Ogos 2012. Bagi tempoh yang sama, 73 daripada 293 pesawah tersebut sebenarnya telah meninggal dunia antara tahun 1973 hingga April 2012 tetapi nama mereka termasuk dalam senarai penerima baja subsidi antara 1 hingga 9 kali. Bayaran dibuat oleh PPN berdasarkan pengesahan penghulu terhadap nota hantaran tanpa pengesahan penerimaan baja oleh pesawah.

2.4.2.3. Di kawasan pengairan KADA padi ditanam 2 kali setahun, musim pertama ialah antara bulan April hingga Ogos dan musim kedua antara bulan Oktober hingga Februari setiap tahun. Musim membaja pertama selepas 15 hari padi ditanam dan membaja kali kedua selepas 35 hari. Oleh itu, bekalan baja kepada pesawah bagi musim pertama sepatutnya diberi antara pertengahan April hingga awal Mei. Bagi musim kedua pula antara pertengahan Oktober hingga awal November. Bagaimanapun, didapati bekalan baja di kawasan ini dibuat setiap bulan dari bulan Disember 2011 hingga Ogos 2012 tanpa mengambil kira musim membaja. Dalam tempoh tersebut didapati borang permohonan bagi 107 pesawah dikemukakan antara 3 hingga 13 kali kepada PTJ Pasir Puteh. Ia melibatkan lebihan baja antara satu hingga 195 kampit bagi seorang pesawah seperti di **Jadual 2.2**. Perkara ini berlaku kerana bekalan baja sebenarnya tidak sampai kepada pesawah-pesawah yang berkenaan.

Jadual 2.2
Baja Diberi Melebihi Keperluan Bagi 2 Musim

Bil.	Lebihan Baja (kampit)	Bil. Pesawah	Baja Diberi (kampit)	Patut Diberi (kampit)	Lebihan (kampit)
1.	1 - 20	24	1,276	864	412
2.	21 - 40	35	2,433	1,260	1,173
3.	41 - 60	19	1,688	684	1,004
4.	61 - 80	20	2,140	720	1,420
5.	81 - 100	5	621	180	441
6.	123	2	318	72	246
7.	126	1	162	36	126
8.	195	1	231	36	195
Jumlah		107	8,869	3,852	5,017

Sumber: Borang Permohonan Baja Disember 2011 hingga Ogos 2012 PTJ Pasir Puteh

2.4.2.4. Selain itu, didapati ada penduduk tempatan yang tidak memohon subsidi baja Kerajaan Negeri tetapi telah diberi baja antara 10 hingga 30 kampit setiap seorang. Hasil temu bual, pihak Audit dimaklumkan bahawa baja berkenaan diberi secara percuma oleh penghulu untuk tanaman sayur-sayuran dan kegunaan di kebun. Baja berkenaan seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
30 Kampit Baja Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Panggong, Pasir Puteh
Tarikh: 14 Januari 2013

Gambar 2.2
10 Kampit Baja Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Panggong, Pasir Puteh
Tarikh: 16 Januari 2013

Gambar 2.3
Baki Baja Yang Telah
Digunakan Untuk Kebun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Panggong, Pasir Puteh
Tarikh: 14 Januari 2013

Gambar 2.4
Baki Baja Yang Telah
Digunakan Untuk Sayuran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Panggong, Pasir Puteh
Tarikh: 14 Januari 2013

2.4.2.5. PTJ akan menentukan lokasi pengkalan hadapan serta tarikh penghantaran baja dan dimaklumkan kepada pihak pembekal. Semakan Audit mendapati setelah menerima pesanan daripada PPN, pihak pembekal akan memaklumkan terus kepada Penghulu berkenaan tarikh penghantaran akan dibuat. Pihak PTJ dan PPN hanya mengetahui baja telah dihantar ke pengkalan hadapan setelah menerima invois daripada pembekal untuk tuntutan pembayaran.

Pada pendapat Audit, Skim Bantuan Baja Padi di Mukim Panggong hendaklah dibekukan sehingga siasatan lanjut dibuat terhadap penyalahgunaan subsidi baja.

2.4.3. Penerima Baja Padi Bukan Pesawah

2.4.3.1. Antara syarat untuk mendapat subsidi baja, geran tanah pesawah mestilah syarat nyata padi. Semakan Audit terhadap borang permohonan baja dan carian rasmi di PTJ Pasir Puteh mendapati 11 pemohon telah mengemukakan resit hasil tanah bagi tanaman getah, kelapa dan dusun sebagai sokongan kepada permohonan subsidi baja padi. Lot-lot terlibat adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Lot Tanah Bukan Syarat Nyata Padi

Bil.	Tahun	Daerah	Mukim	Keterangan		Syarat Nyata		
				Hak Milik	Lot	Getah	Kelapa	Dusun
1.	2012	Padang Pak Amat	Kg. Wakaf	GM609	0377			✓
2.				GM509	0048			✓
3.				GM78	1179			✓
4.				GM142	0989	✓		
5.				GM516	0231	✓		
6.				GM796	0622	✓		
7.				GM334	0422	✓		
8.			Tualang	GM615	1066		✓	
9.				GM2110	0594			✓
10.	2011	Bukit Jawa	Kedai Menanti	GM2110	0594			✓
11.				GM2364	2446			✓
Jumlah						4	1	6

Sumber: Borang Permohonan Subsidi Baja Padi Dan Carian Rasmi

2.4.3.2. Maklum balas daripada PTJ Pasir Puteh bertarikh 15 April 2013, memaklumkan akan mengambil tindakan penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan di dalam pelaksanaan pemberian subsidi baja yang telah dibangkitkan serta membeku Skim Bantuan Baja Padi di seluruh daerah sehingga semua usaha penambahbaikan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, subsidi baja padi tidak sepenuhnya diberi kepada petani yang tidak mengusahakan sawah.

2.4.4. Subsidi Baja Diterima 2 Kali

2.4.4.1. Mengikut syarat pemberian subsidi baja, pesawah hanya dibenarkan memohon baja daripada satu sumber sahaja. Semakan Audit di PTJ Pasir Mas mendapati 46 daripada 113 pesawah yang memohon baja subsidi Kerajaan Negeri telah menerima bantuan baja padi daripada Agensi Pusat. Kawasan yang terlibat ialah Daerah Alor Pasir 37 orang, 5 orang daripada Kangkong dan 4 orang daripada Daerah Kubang Gadong. Didapati 46 pesawah berkenaan menerima 2,764 kampit baja bernilai RM37,977 daripada Kerajaan Negeri dan sebanyak 3,065 kampit lagi diterima daripada Agensi Pusat seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Penerimaan Baja 2 Kali

Daerah	Mukim	Bil. Pemohon	Bil. Penerima Dari Dua Sumber	Baja	
				Negeri	Persekutuan
Alor Pasir	Banggol Setol	19	15	761	1,177
	Siram	39	13	925	1,054
	Lumpur	18	9	764	454
Kangkong	Tok Uban	12	5	234	292
Kubang Gadong	Alor Buluh	10	2	40	57
	Kubang Batang	15	2	40	31
Jumlah		113	46	2,764	3,065

Sumber: Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas

2.4.4.2. Perkara ini berlaku kerana tiada koordinasi di antara PTJ dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). PTJ tidak menyediakan daftar pesawah penerima subsidi baja Kerajaan Negeri dan kurang pemantauan terhadap pemberian baja subsidi yang diuruskan oleh Penghulu Mukim.

Pada pendapat Audit, untuk mengatasi masalah penerimaan baja 2 kali atau permohonan bertindih daftar pesawah penerima subsidi baja perlu disediakan di samping mempertingkatkan kerjasama antara PTJ dan PPK.

2.4.5. Pemberian Subsidi Baja Melebihi Kelayakan

Mengikut garis panduan pemberian subsidi baja padi, pesawah perlu mengisi borang permohonan dan menyertakan dokumen yang berkaitan. Subsidi baja padi hanya diberi sebanyak 6 kampit untuk satu ekar tertakluk kepada had keluasan maksimum 3 ekar atau 18 kampit sahaja bagi setiap pesawah. Semakan Audit di PTJ Pasir Mas mendapati berlaku beberapa kelemahan seperti berikut:

2.4.5.1. Baja Diberi Melebihi Keluasan Maksimum

- a. Semakan Audit terhadap 166 permohonan bagi pemberian baja untuk tempoh 3 tahun di Daerah Alor Pasir, Rantau Panjang dan Kangkong mendapati seramai 95 pesawah telah diluluskan pemberian baja subsidi melebihi keluasan maksimum 3 ekar. Pesawah berkenaan telah menerima lebihan subsidi baja antara 21 hingga 231 kampit baja setiap orang seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Subsidi Baja Melebihi 3 Ekar

Luas Tanah (ekar)	Bil. Pesawah	Bil. Baja (kampit)		
		Campuran	Urea	Jumlah
3 - 4	5	70	35	105
5 - 10	60	1,624	814	2,438
11 - 20	25	1,482	740	2,222
21 - 30	3	310	155	465
31 - 40	1	128	64	192
41 - 50	1	154	77	231
Jumlah	95	3,768	1,885	5,653

Sumber: Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara ini berlaku kerana borang permohonan tidak diisi untuk mendapat subsidi baja. Pesawah hanya perlu memohon secara lisan kepada Penghulu Mukim dan beliau akan mengemukakan senarai nama pesawah, keluasan tanah dan kuantiti baja yang diperlukan kepada Penggawa Daerah untuk sokongan sebelum dihantar ke PTJ Pasir Mas untuk kelulusan. Bantuan subsidi baja yang dibuat dengan tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi. Mengikut

pengiraan Audit, lebihan subsidi bahan padi sebanyak 5,653 kampit ini melibatkan kos tambahan sejumlah RM77,258.

- c. Selain itu, didapati 14 pesawah yang menerima subsidi bahan padi melebihi keluasan maksimum juga menerima subsidi bahan padi daripada KADA. Jumlah bahan padi yang diterima daripada Kerajaan Negeri sejumlah 1,342 kampit bernilai RM18,452 dan 833 kampit daripada KADA.
- d. Temu bual pihak Audit dengan 14 pesawah lain pula mendapati mereka tidak menerima subsidi bahan padi sejumlah 1,186 kampit bernilai RM16,307 sebagaimana dalam senarai. Semakan Audit di Pejabat KADA Alor Mas mendapati 9 daripada 14 pesawah tersebut merupakan penerima subsidi bahan padi daripada KADA berjumlah 809 kampit, manakala 5 pesawah lagi tidak memohon.
- e. **Maklum balas daripada PTJ Pasir Mas bertarikh 14 April 2013, memaklumkan bahawa pendaftaran semula pesawah akan dibuat sebelum 30 Jun 2013 untuk tujuan penyelarasan. Borang pendaftaran pesawah yang telah lengkap diisi akan dikemukakan kepada PPN selewat-lewatnya pada 15 Julai 2013.**

Pada pendapat Audit, garis panduan dan prosedur pemberian subsidi bahan padi perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat sebagai kawalan dan pemantauan dipertingkatkan terhadap pengagihan bekalan bahan padi.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit dalam Program Subsidi Bahan Padi, pihak Audit mengesyorkan PPN dan PTJ mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. PTJ hendaklah mengemas kini rekod penanam padi dalam kawasan masing-masing dan menyediakan Daftar Pesawah yang lengkap bagi memudahkan semakan dan pemantauan dibuat.

2.5.2. PTJ hendaklah membuat semakan silang senarai pemohon Subsidi Bahan Padi Kerajaan Negeri dengan laporan ringkasan maklumat pesawah yang didaftarkan dalam Skim Bahan Padi Kerajaan Persekutuan bagi memastikan tidak berlaku pertindihan pemberian bahan padi.

2.5.3. Menyediakan Laporan Keberkesanan Program Pemberian Bahan Subsidi untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan mencadangkan kaedah yang lebih baik bagi pelaksanaan Program Subsidi Bahan Padi kepada pesawah di Negeri Kelantan.

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

3. INFRA QUEST SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB) ditubuhkan pada 23 Januari 1997 dan bergiatan aktif pada tahun 2005. IQSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) yang dimiliki 100% oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan IQSB berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM2 juta.

3.1.2. Aktiviti utama IQSB adalah sebagai pakar perunding menara telekomunikasi dan pemilikan menara telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi. Antara objektif utama IQSB adalah mempercepatkan proses permohonan baru bagi pemasangan infrastruktur telekomunikasi serta mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi semua infrastruktur telekomunikasi sedia ada.

3.1.3. Pada 27 Oktober 1997, Kerajaan Negeri memberi konsesi kepada IQSB bagi membuat rangkaian serta jaluran bawah tanah dan kemudiannya mendapat hak pembinaan *common tower* di Negeri Kelantan pada 4 Disember 1997. Seterusnya pada tahun 2003, IQSB telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai *One Stop Agency* yang bertindak sebagai badan penyelaras untuk menguruskan perancangan, pelaksanaan dan penyenggaraan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Kelantan. IQSB telah mendapat lesen *Network Facilities Provider* (NFP) daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2005.

3.1.4. IQSB mempunyai 2 syarikat subsidiari iaitu ICT Incubator Centre Sdn. Bhd. dengan 100% pegangan ekuiti dan Aptus Net Communities Sdn. Bhd. dengan 60% pegangan ekuiti. IQSB mempunyai 3 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif PKINK serta ahli yang terdiri daripada seorang dari PKINK dan seorang wakil dari Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Pengurusan IQSB diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh Pengurus Besar, Pengurus Operasi, Penolong Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran, Penolong Pengurus Teknikal, Mekanikal Dan Elektrikal serta 15 kakitangan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan pengurusan syarikat IQSB meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Perbincangan, temu bual dan lawatan Audit ke tapak menara telekomunikasi bersama pegawai yang berkenaan telah diadakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan IQSB adalah memuaskan. Keuntungan sebelum cukai IQSB meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai IQSB menurun pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis nisbah kewangan juga menunjukkan trend penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Kawasan sekitar menara tidak disenggara.
- Kerosakan dan kehilangan kelengkapan di menara.
- Papan tanda tidak disediakan.
- Projek WiFi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- *Key Performance Indicator* tidak disediakan untuk menilai prestasi syarikat.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Keuntungan sebelum cukai IQSB meningkat sejumlah RM6.32 juta atau 84.2% daripada RM7.51 juta pada tahun 2009 kepada RM13.83 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai IQSB menurun sejumlah RM5.02 juta atau 36.3% kepada RM8.81 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.
- b. Keuntungan terkumpul IQSB meningkat sejumlah RM9.55 juta atau 55.6% daripada RM17.17 juta pada tahun 2009 kepada RM26.72 juta pada tahun 2010. Keuntungan terkumpul yang dicatatkan terus meningkat sejumlah RM3.30 juta atau 12.4% kepada RM30.02 juta pada tahun 2011. Keuntungan bersih yang dicatatkan bagi tahun 2009 hingga 2011 telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan terkumpul.


- c. Pendapatan utama IQSB terdiri daripada hasil sewaan menara telekomunikasi kepada syarikat telekomunikasi. Jumlah pendapatan IQSB meningkat sejumlah RM8.34 juta atau 44.6% daripada RM18.71 juta pada tahun 2009 kepada RM27.05 juta pada tahun 2010. Hasil kontrak bagi membina menara *Universal Service Provider* (USP) berjumlah RM6.50 juta telah menyumbang kepada peningkatan ini. Bagaimanapun, jumlah pendapatan IQSB mengalami penurunan sejumlah RM2.75 juta atau 10.2% kepada RM24.30 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh hasil kontrak bagi membina menara USP berkurang kepada RM0.98 juta pada tahun 2011 berbanding RM6.50 juta pada tahun 2010.
- d. Jumlah perbelanjaan IQSB meningkat sejumlah RM3.49 juta atau 29.1% daripada RM12.01 juta pada tahun 2009 kepada RM15.50 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan pertambahan peruntukan cukai sejumlah RM1.47 juta dan kos operasi sejumlah RM0.94 juta. Jumlah perbelanjaan IQSB terus meningkat sejumlah RM3.50 juta atau 22.6% kepada RM19 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Pertambahan kos operasi sejumlah RM2.14 juta dan peruntukan cukai sejumlah RM1.23 juta telah menyumbang kepada peningkatan ini.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul IQSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1, Carta 3.1 dan Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi IQSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	18.67	27.01	24.23
Kos Operasi	3.24	4.17	6.31
Untung Kasar	15.43	22.84	17.92
Lain-lain Pendapatan	0.04	0.04	0.07
Kos Pengurusan	2.03	2.24	1.82
Kos Kewangan	1.12	1.35	1.31
Susut Nilai	4.81	5.46	6.05
Untung Sebelum Cukai	7.51	13.83	8.81
Cukai	0.81	2.28	3.51
Untung Bersih	6.70	11.55	5.30
Keuntungan Terkumpul	17.17	26.72	30.02


Sumber: Penyata Kewangan IQSB

Carta 3.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan IQSB

Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan IQSB

3.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
a.	Nisbah Semasa	0.78:1	0.98:1	0.93:1
b.	Margin Untung Bersih	36%	43%	22%
c.	Pulangan Atas Aset	0.11:1	0.19:1	0.09:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti	0.35:1	0.40:1	0.17:1

Sumber: Penyata Kewangan IQSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Mengikut pengiraan Audit, tahap kecairan IQSB pada tahun 2009 adalah 0.78 kali dan telah meningkat kepada 0.98 kali pada tahun 2010. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pengurangan overdraf bank sejumlah RM4.44 juta. Bagaimanapun, nisbah ini menurun kepada 0.93 kali pada tahun 2011. Pengurangan wang tunai dan baki di bank sejumlah RM4.65 juta telah menyumbang kepada penurunan nisbah ini. Nisbah semasa IQSB yang kurang daripada satu pada tahun 2009, 2010 dan 2011 menunjukkan syarikat kurang berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut pengiraan Audit, IQSB mencatatkan keuntungan 36 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2009 dan telah meningkat kepada keuntungan 43 sen pada tahun 2010. Hasil kontrak bagi membina menara USP berjumlah RM6.50 juta telah menyumbang kepada peningkatan nisbah ini. Bagaimanapun, keuntungan yang dicatatkan IQSB mengalami penurunan kepada 22 sen bagi setiap ringgit jualan pada tahun 2011. Penurunan keuntungan yang dicatatkan adalah disebabkan oleh pengurangan hasil kontrak bagi membina menara USP kepada RM0.98 juta pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

c. Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Mengikut pengiraan Audit, IQSB mencatatkan pulangan atas aset iaitu 11 sen bagi setiap ringgit aset pada tahun 2009 dan pulangan ini telah meningkat kepada 19 sen pada tahun 2010. Peningkatan pulangan atas aset adalah disebabkan oleh keuntungan bersih yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, pulangan atas aset menurun kepada 9 sen pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Pengurangan hasil kontrak bagi membina menara USP telah menyumbang kepada penurunan pulangan atas aset. Pulangan positif atas aset menunjukkan kecekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset. Bagaimanapun, usaha harus diambil bagi mempertingkatkan keuntungan dengan mengawal kos perbelanjaan supaya nisbah ini dapat ditingkatkan.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Mengikut pengiraan Audit, IQSB mencatatkan pulangan atas ekuiti iaitu 35 sen bagi setiap ringgit ekuiti pada tahun 2009 dan pulangan ini telah meningkat kepada 40 sen pada tahun 2010. Peningkatan pulangan atas ekuiti adalah disebabkan oleh keuntungan bersih yang lebih tinggi dicatatkan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, pulangan atas ekuiti menurun kepada 17 sen pada tahun 2011

berbanding tahun 2010. Pengurangan hasil kontrak bagi membina menara USP telah menyumbang kepada penurunan pulangan atas aset. Pulangan positif atas ekuiti menunjukkan IQSB masih berupaya memberi pulangan kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan IQSB adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan bersih bagi tahun 2009 hingga 2011 dan keuntungan terkumpul semakin meningkat dari tahun 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, nisbah kewangan menunjukkan penurunan bagi tahun 2011 berbanding tahun 2010.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama IQSB adalah sebagai pakar perunding menara telekomunikasi dan pemilikan menara telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti IQSB mendapati perkara seperti berikut:

3.4.2.1. Pembinaan Dan Penyenggaraan Menara Telekomunikasi

- a. IQSB sebagai *One Stop Agency* bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua menara telekomunikasi yang dibina di seluruh Negeri Kelantan mematuhi garis panduan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kerajaan Negeri. IQSB telah menyerahkan kerja pembinaan dan penyenggaraan infrastruktur telekomunikasi kepada Ascii Line Sdn. Bhd. (ALSB) iaitu salah satu syarikat subsidiari milik penuh PKB. Menara telekomunikasi yang telah siap dibina oleh ALSB akan menjadi hak milik IQSB. Sehingga Disember 2012, IQSB mempunyai sebanyak 193 buah menara telekomunikasi terdiri daripada jenis *lampole*, *monopole* dan menara (*3-Legged* dan *4-Legged*) dengan ketinggian antara 24 meter (m) hingga 90 m di seluruh Negeri Kelantan. Menara telekomunikasi tersebut dibina di atas tanah milik persendirian, Kerajaan, badan berkanun, syarikat subsidiari Kerajaan atau syarikat persendirian. IQSB membayar sewa bulanan kepada pemilik tanah berdasarkan kadar dalam perjanjian yang ditandatangani iaitu antara RM726 hingga RM1,210 sebulan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati tidak ada kes pelanggaran syarat pembinaan yang dilaporkan dan IQSB telah melaksanakan pembayaran sewa bulanan kepada pemilik tanah sebagaimana perjanjian yang ditandatangani.
- b. Sehingga Disember 2011, kos pembinaan keseluruhan menara telekomunikasi adalah sejumlah RM60.40 juta. Berdasarkan invois ALSB, kos penyenggaraan yang dibayar kepada ALSB adalah sebanyak RM500 bagi setiap menara yang disenggara. Semakan Audit mendapati IQSB tidak menyediakan apa-apa perjanjian secara bertulis dengan ALSB bagi menguruskan kerja pembinaan dan penyenggaraan menara telekomunikasi. Maklumat mengenai penetapan kos penyenggaraan juga tidak dinyatakan. Bagaimanapun, pelantikan ALSB sebagai kontraktor utama dalam

kerja pembinaan menara telekomunikasi diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah manakala kos penyenggaraan sebanyak RM500 bagi setiap menara diluluskan melalui Ketetapan Beredar Pengarah IQSB. Butiran lanjut mengenai jenis menara telekomunikasi yang dimiliki oleh IQSB dan kos pembinaan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Menara Telekomunikasi Dimiliki IQSB

Bil.	Jenis Menara	Bilangan Unit	Kos Pembinaan (RM Juta)
1.	Menara 90 m	1	0.89
2.	Menara 76 m	24	10.27
3.	Menara 60 m	98	36.00
4.	Menara 45 m	17	4.83
5.	<i>Monopole</i> 45 m	7	2.23
6.	<i>Lampole</i> 30 m	42	5.68
7.	<i>Lampole</i> 24 m	4	0.50
Jumlah		193	60.40

Sumber: Rekod IQSB

3.4.2.2. Hasil Sewa Menara Telekomunikasi

- a. Pendapatan utama IQSB ialah hasil menara telekomunikasi yang disewakan kepada operator telekomunikasi seperti Celcom, Maxis, Digi, Sapura, Telekom, YTL dan Packet One. Kadar sewaan adalah berdasarkan kadar dalam Perjanjian Lesen yang ditandatangani antara IQSB dengan operator telekomunikasi berkenaan. Kadar sewa yang dikenakan terhadap operator telekomunikasi adalah antara RM1,500 hingga RM16,330 sebulan. Kadar ini adalah bergantung kepada jenis menara serta bilangan operator telekomunikasi yang berkongsi menara tersebut. Butiran mengenai lingkungan kadar sewa mengikut jenis menara telekomunikasi adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Kadar Sewa Menara Telekomunikasi

Bil.	Jenis Menara	Lingkungan Kadar Sewa (RM)
1.	Menara 90 m	16,330
2.	Menara 76 m	3,888 – 10,669
3.	Menara 60 m	1,500 – 10,026
4.	Menara 45 m	2,500 – 6,426
5.	<i>Monopole</i> 45 m	4,574 – 8,858
6.	<i>Lampole</i> 30 m	2,597 – 6,608
7.	<i>Lampole</i> 24 m	3,000 – 5,000

Sumber: Rekod IQSB

- b. Semakan Audit mendapati hasil sewa menara telekomunikasi meningkat sejumlah RM2.79 juta atau 14.0% kepada RM22.74 juta pada tahun 2011 berbanding RM19.95 juta pada tahun 2010. Hasil sewa menara telekomunikasi terus meningkat sejumlah RM2.54 juta atau 11.2% kepada RM25.28 juta pada tahun 2012 berbanding RM22.74

juta pada tahun 2011. Peningkatan hasil sewa yang diperoleh adalah disebabkan pertambahan menara telekomunikasi sebanyak 34 unit yang siap dibina dalam tahun 2011 dan disewakan kepada operator telekomunikasi. Butiran mengenai hasil sewa menara telekomunikasi bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Hasil Sewa Menara Telekomunikasi

Bil.	Jenis Menara	Tahun		
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Menara 90 m	0.15	0.21	0.36
2.	Menara 76 m	3.50	3.59	3.69
3.	Menara 60 m	13.92	14.38	15.03
4.	Menara 45 m	1.49	1.64	1.82
5.	<i>Monopole</i> 45 m	0.17	0.45	0.90
6.	<i>Lampole</i> 30 m	0.62	2.10	3.14
7.	<i>Lampole</i> 24 m	0.10	0.37	0.34
Jumlah		19.95	22.74	25.28

Sumber: Rekod IQSB

3.4.2.3. Pengurusan Menara Telekomunikasi

IQSB bertanggungjawab menguruskan menara telekomunikasi yang dimilikinya di seluruh Negeri Kelantan untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi. Lawatan Audit ke 11 tapak menara telekomunikasi di Jajahan Kuala Krai dan 6 tapak menara telekomunikasi di Jajahan Gua Musang mendapat perkara seperti berikut:

a. Kawasan Sekitar Menara Tidak Disenggara

Mengikut Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, kawasan persekitaran menara hendaklah sentiasa disenggara dengan baik, kemas dan teratur. IQSB telah menyerahkan kerja penyenggaraan menara telekomunikasi kepada ALSB untuk dilaksanakan. Lawatan Audit ke tapak menara telekomunikasi Keroh, Kuala Krai pada 26 November 2012 dan Kampung Pria, Kuala Krai pada 27 November 2012 mendapat kawasan persekitaran menara tidak disenggara dengan baik iaitu dipenuhi semak samun seperti di **Gambar 3.1** dan longkang tersumbat seperti di **Gambar 3.2**. Longkang yang tersumbat adalah disebabkan bongkah-bongkah kecil simen konkrit yang dipecahan oleh pencuri bagi mengambil *copper tape* yang ditanam di sekitar longkang menara. *Main hole* juga tertutup dan menjelaskan fungsi sistem saliran. Semakan Audit terhadap Laporan Aktiviti Unit Senggara bulan November 2012 mendapat kerja penyenggaraan telah dijalankan di menara telekomunikasi Keroh pada 19 November 2012 iaitu seminggu sebelum tarikh lawatan Audit dan di menara telekomunikasi Kampung Pria pada 6 November 2012 iaitu 3 minggu sebelum tarikh lawatan Audit. Bagaimanapun, lawatan Audit di kedua-dua menara telekomunikasi tersebut mendapat kawasan sekitar menara tidak disenggara dengan baik, kemas dan teratur serta tidak menggambarkan kerja landskap dan pembersihan telah

dilaksanakan dengan sewajarnya. Semakan Audit seterusnya mendapati kos penyenggaraan infrastruktur menara telekomunikasi yang dibayar kepada ALSB ialah sejumlah RM0.87 juta bagi tahun 2010, RM1.04 juta bagi tahun 2011 dan RM0.80 juta bagi tahun 2012.

Gambar 3.1
Keadaan Persekutaran Menara
Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi Keroh,
Kuala Krai
Tarikh: 26 November 2012

Gambar 3.2
Keadaan Longkang Tersumbat




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi
Kampung Pria, Kuala Krai
Tarikh: 27 November 2012

b. Kerosakan Dan Kehilangan Kelengkapan Di Menara

Semua peralatan dan kelengkapan seperti *main ground bar*, *copper tape* dan *copper cable* hendaklah berada dalam keadaan baik dan berfungsi dengan sempurna. Lawatan Audit ke tapak menara telekomunikasi Keroh, Kuala Krai pada 26 November 2012 dan menara telekomunikasi Kampung Pria, Kuala Krai pada 27 November 2012 mendapati berlakunya kerosakan dan kehilangan kelengkapan di menara telekomunikasi iaitu *main ground bar* dicuri, *copper tape* saiz 70 milimeter (mm) dan *copper cable* dipotong, *copper tape* yang ditanam dalam simen konkrit dicabut serta pagar rosak seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.7**. Kerosakan dan kehilangan kelengkapan adalah disebabkan pencerobohan dan kecurian kerap berlaku di kawasan menara terutamanya yang terletak di kawasan berbukit. Semakan Audit mendapati laporan pemantauan berkala tidak disediakan dan pihak IQSB tidak dapat mengemukakan kos pembaikan peralatan dan kelengkapan setiap menara yang terlibat.

Gambar 3.3
Main Ground Bar Dicuri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi Keroh,
Kuala Krai
Tarikh: 26 November 2012

Gambar 3.4
Copper Tape Saiz 70 mm Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi Keroh,
Kuala Krai
Tarikh: 26 November 2012

Gambar 3.5
Copper Cable Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi Keroh,
Kuala Krai
Tarikh: 26 November 2012

Gambar 3.6
Copper Tape Dicabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi
Kampung Pria, Kuala Krai
Tarikh: 27 November 2012



Gambar 3.7
Pagar Rosak Akibat Pencerobohan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Menara Telekomunikasi
Kampung Pria, Kuala Krai
Tarikh: 27 November 2012

c. Papan Tanda Tidak Disediakan

Mengikut Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju atau pemberi kemudahan rangkaian hendaklah menyediakan papan tanda amaran yang berkenaan

di kawasan menara telekomunikasi bagi memberi peringatan tentang bahaya tempat tersebut. Selain itu, papan tanda yang mempamerkan butiran syarikat, butiran juruperunding dan pemasangan oleh PBT juga perlu disediakan di tempat yang sesuai. Lawatan Audit ke 10 tapak menara telekomunikasi di Kuala Krai pada 26 dan 27 November 2012 serta 6 tapak menara telekomunikasi di Gua Musang pada 5 dan 6 Disember 2012 mendapati papan tanda amaran dan papan tanda maklumat berkaitan menara tidak disediakan di kesemua tapak yang dilawati. Temu bual dengan pegawai IQSB memaklumkan papan tanda tidak disediakan disebabkan peralatan di menara adalah milik syarikat telekomunikasi. Jika berlaku sebarang kecurian, syarikat telekomunikasi dapat mengesan isyarat kecemasan dalam masa singkat dan akan mengambil tindakan segera terhadap isyarat kecemasan yang diterima. Bagaimanapun, menara telekomunikasi adalah milik IQSB dan sebarang kerosakan atau kejadian yang tidak diingini adalah di bawah tanggungjawab IQSB. Ketiadaan papan tanda akan menyukarkan orang ramai menyalurkan maklumat atau aduan kepada pihak yang bertanggungjawab. **Mengikut maklum balas daripada IQSB bertarikh 7 April 2013, IQSB telah mengambil tindakan dengan menyediakan papan tanda di 16 tapak menara telekomunikasi di sekitar Kota Bharu, Pasir Mas, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai dan Jeli.**

3.4.2.4. Pengurusan Perniagaan Baru

Memandangkan tiada menara telekomunikasi baru dibina dalam tahun 2012 dan hasil sewa hanya daripada menara sedia ada, IQSB mengorak langkah melibatkan diri dalam perkhidmatan teknologi WiFi bagi mempelbagaikan produk pasaran dan memperluaskan perniagaan. IQSB turut merancang untuk menjalankan projek sistem kamera litar tertutup dan perkhidmatan menggunakan teknologi gentian optik. Pengauditan terhadap projek WiFi yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut:

a. Projek WiFi Tidak Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

Liputan sistem WiFi dilaksanakan dengan memasang *Access Point* (AP) di lokasi strategik. Berdasarkan cadangan yang diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 30 (2/2012) bertarikh 15 Mei 2012, IQSB mensasarkan pemasangan 45 AP di 3 institusi pengajian tinggi awam/swasta. Sasaran pendapatan bagi mencapai pulangan modal dalam tempoh 1 hingga 3 tahun adalah melalui jualan kad prabayar sekurang-kurangnya 364 keping hingga 803 keping sebulan. Nilai sekeping kad prabayar adalah RM25 untuk kegunaan sebulan. Semakan Audit mendapati projek WiFi dimulakan di Kolej Teknologi Darulnaim (KTD), Pengkalan Chepa pada bulan September 2012 dengan kos peralatan WiFi sejumlah RM15,728. IQSB juga membayar yuran lesen *Network Service Provider* kepada SKMM berjumlah RM50,000 setahun. Projek ini dijalankan bagi menyediakan perkhidmatan rangkaian internet di sekitar KTD sahaja. Sehingga bulan Disember 2012, hanya 11 AP sahaja yang berjaya dipasang di satu institusi pengajian tinggi awam/swasta berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 45 AP di 3 institusi pengajian tinggi awam/swasta dan

hasil jualan kad prabayar adalah RM1,775 atau 71 keping dalam tempoh 4 bulan (September – Disember 2012). Pelaksanaan projek yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan menyebabkan kekurangan pendapatan kepada IQSB serta pelajar KTD tidak mendapat kemudahan jalur lebar yang laju.

Pada pendapat Audit, menara telekomunikasi hendaklah diuruskan mengikut garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan keadaan di sekitar menara adalah kemas dan teratur. Selain itu, IQSB perlulah berusaha supaya projek WiFi yang dilaksanakan mencapai sasaran yang ditetapkan bagi menambah pendapatan kepada syarikat.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat IQSB mendapati perkara seperti berikut:

3.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 2010, 4 kali pada tahun 2011 dan 5 kali pada tahun 2012. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan kewangan syarikat dan syarikat subsidiari, laporan kemajuan kerja serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, operasi, pentadbiran dan sumber manusia. Mesyuarat Agung Tahunan juga diadakan setiap tahun bagi membuat keputusan berhubung pengesahan penyata kewangan tahunan, pelantikan ahli Lembaga Pengarah, penetapan yuran ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan juruaudit luar.

3.4.3.2. Standard Operating Procedures (SOP)

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati IQSB telah menyediakan SOP sebagai panduan dalam melaksanakan operasi syarikat. SOP yang disediakan meliputi prosedur operasi bagi Unit Operasi IQSB dan proses pembayaran kepada kontraktor. Selain itu, prosedur kewangan yang disediakan adalah seperti perakaunan dan kewangan, pengurusan kredit, terimaan sewa, terimaan wang, pembelian, pembayaran dan pengurusan aset.

3.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada Kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati IQSB telah membayar dividen akhir pada kadar 100% ke atas 2,000,000 saham biasa iaitu RM2 juta kepada pemegang sahamnya, PKB bagi setiap tahun 2009, 2010 dan 2011. Pembayaran dividen dibuat kepada PKB secara kontra akaun dengan pendahuluan yang telah diberikan kepada PKB oleh IQSB.

3.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan telah ditubuhkan di peringkat syarikat induk iaitu PKB pada 17 Jun 2010. Sehingga tarikh pengauditan, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 2 kali dalam tahun 2011 dan sekali dalam tahun 2012 iaitu pada 1 Mac 2011, 13 Jun 2011 dan 16 Julai 2012 bagi membincangkan perkara yang ditetapkan dalam pekeliling.

3.4.3.5. Unit Audit Dalam

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati tugas audit dalam dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam Dan Naziran PKINK yang telah melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan IQSB pada Mac 2011.

3.4.3.6. Perancangan Strategik Dan *Key Performance Indicator (KPI)*

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan perlu menyedia atau mengemaskini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan

sekali. Semakan Audit mendapati perancangan strategik IQSB bagi tempoh 5 tahun (2013 – 2017) disediakan tetapi strategi dan rancangan korporat bagi tempoh jangka pendek tidak disediakan. Perancangan strategik IQSB juga tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, IQSB tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat. **Mengikut maklum balas daripada IQSB bertarikh 7 April 2013, perancangan strategik IQSB telah dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 14 Mac 2013.**

3.4.3.7. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menghendaki cadangan bayaran bonus dan asasnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri tidak lebih daripada satu bulan selepas akaun tahunan ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati IQSB telah membayar bonus sebanyak 6 bulan gaji berjumlah RM220,617 bagi tahun 2009 dan RM239,987 bagi tahun 2010. Pada tahun 2011, IQSB telah membayar bonus sebanyak 6 bulan gaji berjumlah RM256,694 kepada kakitangan syarikat. Pembayaran bonus dibuat setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat. Bagaimanapun, cadangan bayaran bonus ini tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. **Mengikut maklum balas daripada IQSB bertarikh 7 April 2013, pembayaran bonus bagi tahun 2012 telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri pada 14 Mac 2013.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat yang baik boleh dicapai dengan mematuhi peraturan pekeliling berkaitan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan IQSB mengambil langkah berikut:

3.5.1. Memastikan prestasi kewangan syarikat yang mencatatkan keuntungan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan bagi memberi pulangan kepada pemegang saham.

3.5.2. Memastikan keadaan sekitar menara telekomunikasi disenggara mengikut garis panduan yang dikeluarkan serta peralatan dan kelengkapan berada dalam keadaan baik.

3.5.3. Memastikan produk pasaran dan peluang perniagaan baru yang diceburi dapat menjana pendapatan kepada syarikat.

3.5.4. Meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia bagi menjaga kepentingan pemegang saham.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
5 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my